

Hampir dihanyutkan arus deras

Mangsa banjir cerita detik cemas air naik mendadak selepas hujan lebat sejak awal pagi kelmarin

■ SITI NADIAH AHMAD ZAMLUS

TELUK BAHANG - Seorang ibu muda berusia 27 tahun masih terkejut dengan kejadian banjir kilat yang melanda kampung mereka, di sini, kelmarin.

Siti Shahara Dada berkata, kejadian berkenaan hampir meragut nyawa anaknya yang berusia enam tahun.

"Kami tidak pernah hadapi kejadian macam ni... masa tu saya sedang sibuk menyiapkan makanan tengah hari dan tiba-tiba anak beritahu dia boleh makan dalam pinggan yang terapung atas air.

"Saya terkejut bila tengok pinggan dia terapung dan masa itu air sudah berada pada paras buku lali. Saya ingatkan air mungkin tak naik lagi... sangkaan saya meleset," katanya.

Katanya, Air Sungai Teluk Awak naik mendadak sehingga ke paras pinggang bermula jam 1 tengah hari kelmarin.

Pada ketika itu, Siti Shahara berkata, dia bersama suami membawa semua anaknya yang berusia lapan, enam dan dua tahun untuk dipindahkan.

"Dua anak saya berpaut pada badan sedangkan saya tak mampu bawa mereka berdua. Masa tu, air laju sehingga ke paras pinggang... saya jerit panggil anggota bomba minta tolong dan mereka yang menyelamatkan anak saya.

"Masa tu, saya sudah hampir tenggelam dan mungkin hanyut. Saya sangat bernasib baik dan berterima kasih dengan anggota bomba," katanya.

Dia bersama tiga anaknya, Mohammad Sofirin, 6; Mohammad Solihin, 8; dan Siti Nur Aisyah, 2; ditemui di Pusat Pemindahan Banjir Sementara, Dewan Balai Rakyat MBPP Teluk Bahang.



Kakitangan JPAM sentiasa bersedia sedia di pusat kawalan.



Kanak-kanak ini sibuk membersihkan Tadika Warisan Bistari.

Selain ibu muda itu, pemilik Tadika Warisan Bistari di Kampung Nelayan Teluk Bahang turut berkongsi pengalamannya.


Halimaton Saadiah Jaafar, 40, berkata, tadika yang dibuka sejak 1996 itu tidak pernah mengalami kejadian banjir teruk.

Menurutnya, jika ada sekali pun ia hanya banjir biasa yang tidak mengejutkan ramai pihak.

"Semua kakitangan saya tidak menjangka air akan naik mendadak dan tidak saya nafikan memang keadaan sedikit panik sebab masa tu ada 15 kanak-kanak yang perlu diuruskan.

"Masa tu, budak-budak dah pun menangis ketakutan... kita dah cuba hubungi ibu bapa masing-masing tapi semua tersangkut sebab jalan tutup akibat banjir.

"Tapi Alhamdulillah, kakitangan Taman Negara Teluk Bahang yang ambil dan hantar semua kanak-kanak ke rumah masing-masing," katanya.



KHIR

Halimaton berkata, kemungkinan Tadika berkenaan terpaksa ditutup sehingga Khamis ini.

"Dari segi jumlah kerugian saya tak pasti, tetapi memang boleh dikatakan agak tinggi... manakan tidaknya hampir semua buku cerita kanak-kanak akan dibuang.

"Kami juga terpaksa tanggung kos upah tukang cuci untuk membantu membersihkan tadika," katanya.

Rodzi Radzak, 45, berkata, dia tidak menjangka hujan sejak awal pagi itu menyebabkan kejadian banjir kilat menakutkan yang bermula jam 1 tengah hari.

"Sampai hari ni kami masih berbal tentang kejadian tu... tak pernah-pernah jadi macam ni. Ramai juga penduduk yang masih trauma bila tengok hujan.

"Hujan tak apa... tapi bila air laut pasang kira-kira jam 1 petang dan 12 tengah malam, semua bersedia sedia sahaja," katanya.

MBPP siap sedia jentera pembersihan

Tinjauan *Sinar Harian* ke lokasi berkenaan mendapati bukan sahaja penduduk yang membersihkan kawasan, malah kerja itu turut dilakukan kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan kontraktor.

Penyelia Map and Ammar Enterprise, Khir Johari berkata, pihaknya dilantik MBPP untuk membersihkan kawasan kejadian banjir kilat.

Menurutnya, operasi bermula kira-kira jam 6.30 pagi semalam.

"Kami kena tunggu banjir surut dulu barulah kerja boleh dilakukan. "Seramai 12 kakitangan kami terlibat dan lokasi paling terjejas di Jalan Hassan Abas sebab ia laluan air," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis MBPP, Mohd Bakhtiar Wan Chik memaklumkan lebih 30 kakitangan bersedia sedia di lokasi banjir.

Menurutnya, semua kakitangan MBPP mula berada di lokasi sejak kelmarin.

"Ia termasuk dari Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan juga Jabatan Landskap.

"Antara tugas yang dilakukan termasuk membersihkan kawasan serta memotong pokok tumbang," katanya.

Adun mahu sistem saliran dibaiki segera

Adun Teluk Bahang, Datuk Shah Headan Ayoob Shah mahu sistem saliran di Sungai Kelian diperbaiki segera.

Tegasnya, ia antara punca utama kejadian banjir kilat di Teluk Bahang kelmarin.

Tambahnya lagi, Kerajaan Pulau Pinang perlu melihat isu berkenaan dengan lebih mendalam supaya kejadian sama tidak berulang.

"Sehingga hari ini walaupun sudah lapan tahun memerintah, sistem saliran masih sama, jika dilihat air datang dari bukit begitu banyak.

"Apabila hujan masuk ke sungai, air akan mengalir laju menuju ke laut, tetapi apabila sampai di kawasan perkampungan, sistem saliran menjadi kecil dan tidak dapat menampung jumlah air berkenaan," katanya.

Shah Headan berkata, sepatutnya sumber air mentah itu tidak perlu dibazirkan gara-gara ia tidak dibawa masuk ke Empangan Teluk Bahang.

Jelasnya, sehingga kini air di empangan pada paras rendah.

"Hujan lebat tetapi ia tidak berjaya menaikkan kuantiti air di empangan, lebih baik sekiranya mereka letakkan saluran dan bawa air mentah ini ke empangan. Malah, kes air yang melimpah juga akan selesai.

"Cuma apa yang kami minta supaya isu ini dapat diselesaikan segera sebab jika tidak penduduk kampung akan sentiasa risau bila berlaku hujan," katanya.



Keadaan mangsa banjir di balai rakyat selepas dipindahkan.



Siti Shahara tersenyum lega kerana anak-anaknya selamat.